

SULIT

3755/2

3755/2
PERDAGANGAN
KERTAS 2
OGOS
2017
2 JAM

NO KAD PENGENALAN

							-			-				
--	--	--	--	--	--	--	---	--	--	---	--	--	--	--

Nama Pelajar :

Tingkatan :



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
(CAWANGAN KELANTAN)**

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
TINGKATAN 5
2017

PERDAGANGAN
KERTAS 2
MASA : DUA JAM

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan :

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B***
2. *Jawab **tiga** soalan daripada **Bahagian A** dan **satu** soalan wajib di **Bahagian B**.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang dalam buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan. Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama buku jawapan pada akhir peperiksaan*
4. *Anda dinasihati supaya mengambil masa 80 minit untuk menjawab soalan dalam **Bahagian A** dan 40 minit untuk menjawab soalan dalam **Bahagian B**.*
5. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraiian soalan ditunjukkan dalam kurungan*
6. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baru*
7. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan*
8. *Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan*

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak.

3755/2

SULIT
[LIHAT SEBELAH]

Bahagian A

[75 markah]

Jawab tiga soalan sahaja.

- 1 (a) Gambar 1 berikut berkaitan dengan keperluan menurut Hierarki Keperluan Maslow.



Gambar 1

- (i) Apakah keperluan tersebut? [1 markah]
- (ii) Jelaskan keperluan di 1 (a)(i). [3 markah]
- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan Encik Cheung.

Encik Cheung adalah pemilik Ladang Strawberi Red Farm di Cameron Highlands, Pahang. Pekerja di ladangnya seramai 30 orang ditugaskan di beberapa bahagian termasuk penanaman, penjagaan dan penjualan buah dan produk strawberi. Beliau baru sahaja membeli dua buah mesin memproses jem di kilangnya dan sebuah mesin membuat jus buah strawberi di kafe yang juga terdapat di kawasan ladang tersebut.

- (i) Huraikan dua faktor pengeluaran yang terlibat dalam pengeluaran di ladang tersebut. [6 markah]
- (ii) Terangkan dua jenis pengkhususan yang terdapat dalam situasi di atas. [6 markah]


- (c) Gambar 2 berikut berkaitan sejenis perniagaan.



Gambar 2

Jelaskan bagaimana insurans dapat membantu perniagaan di atas? [4 markah]

- (d) Gambar 3 berkaitan dengan pengeluaran, perdagangan dan perniagaan.



Gambar 3

Terangkan perkaitan ketiga-tiga aktiviti tersebut.

[5 markah]

2. a). Gambar 4 di bawah menunjukkan sebuah premis perniagaan runcit kecil-kecilan.



Gambar 4

Mengapa pelanggan memilih untuk membeli belah di kedai runcit Aina.

[5 markah]

b). Dokumen berikut diterima oleh Murni Jaya Enterprise.

ASAL	INVOIS SYARIKAT ABC SDN BHD Jalan Che Su, 15300 Kota Bharu Kelantan Tel: 09 – 7434000			No : 4885
Kepada: Murni Jaya Enterprise, Lot 380, Jalan Pasar, 16030 Bachok, Kelantan.			Tarikh: 2 April 2017	
Bil	Butir	Kuantiti	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
1	Seterika	4 unit	155.00	602.00
Tolak : Diskaun niaga 10%				60.20
JUMLAH				541.80
(Ringgit Malaysia: Lima ratus empat puluh satu dan sen lapan puluh sahaja)				
Syarat : 5 % 8 hari 2 % 15 hari Angkutan di bayar				
				<i>Harris</i> Pengurus

- i). Kenal pasti kesilapan pada invois di atas [1 markah]
- ii). Nyatakan dokumen yang perlu digunakan untuk membetulkan kesilapan tersebut. [1 markah]
- iii). Nyatakan **sebab-sebab lain** dokumen di 2 (b) (ii) perlu dihantar kepada pelanggan [3 markah]

- iv). Hitungkan jumlah bayaran yang perlu dijelaskan jika Murni Jaya Enterprise membuat pembayaran pada 8 April 2017 setelah kesilapan diperbetulkan.

[4 markah]

- c). Bandingkan kaedah jualan bayaran tertunda dengan sewa beli. [6 markah]

- d). Petikan di bawah menunjukkan hubungan dagangan antara Malaysia , Thailand dan Myanmar

“ Dengan adanya perniagaan antarabangsa, Malaysia dapat mengimport beras dari Negara Thailand dan Myanmar untuk menampung permintaan rakyat tempatan. Pada masa yang sama Malaysia juga mengeksport minyak sawit dan kayu bergergaji ke negara tersebut”

Jelaskan kepentingan aktiviti eksport dan import tersebut kepada negara Malaysia.

[5 markah]

3. a.. Maklumat berikut berkaitan dengan ciri dua firma

Firma	Produk	Bilangan Pekerja Tetap	Nilai Jualan Tahunan
P	Tekstil	170 orang	RM 30 juta
Q	Perabot	120 orang	RM 20 juta

Firma manakah yang dikategorikan sebagai industri kecil dan sederhana (IKS) ?

Kemukakan alasan.

[3 markah]

- b. Jelaskan perkara berikut.

i) Pengaturan kontrak khas

[3 markah]

ii) Subkontrak

[3 markah]

- c. Zulkifli telah menjalankan perniagaan selama 10 tahun. Beliau bercadang untuk mengembangkan perniagaannya dengan mempelawa kawannya Shukri, sebagai rakan kongsi.
Adakah anda setuju dengan cadangan Zulkifli ? [8 markah]
- d. Terangkan bentuk pulangan atas pelaburan harta tanah. [4 markah]
- e. Maklumat berikut menunjukkan kadar faedah akaun simpanan tetap di sebuah bank.

DNM Bank Berhad	
Tempoh	Kadar Faedah Setahun
3 bulan	3 %
6 bulan	4 %
9 bulan	5 %
12 bulan	6 %
15 bulan	Boleh dirunding

Mazlan telah menyimpan sebanyak RM30,000 dalam akaun simpanan tetap pada 30 Oktober 2016 hingga 1 Mei 2017.

- i. Hitungkan jumlah faedah yang diperolehi Mazlan. [2 markah]
- ii. Jelaskan kelebihan jenis pelaburan ini kepada Mazlan. [2 markah]
4. (a) Pertambahan yang pesat dalam pengeluaran buah mangga Harumanis di ladang En Hanafi telah menyebabkan beliau berfikir untuk mengesport buah-buahan tersebut ke negara ASEAN. Atas nasihat rakannya, beliau terlebih dahulu perlu menyediakan sejenis gudang bagi memastikan kesegaran buah-buahan tersebut sebelum di pasarkan.
Cadangkan gudang sesuai yang perlu disediakan oleh En Hanafi?
Berikan alasan anda. [5 markah]

- (b) Bezakan sistem perbankan konvensional (SPK) dengan sistem perbankan Islam (SPI) [6 markah]
- (c) Pernyataan di bawah berkaitan dengan Syarikat XTZ

Syarikat XTZ merupakan sebuah syarikat yang terkemuka di Kota Bharu. Syarikat ini menjalankan perniagaan membekalkan bahan mentah kepada 40 kantin sekolah di daerah Tumpat dan Pasir Mas. Semua pengusaha kantin diberi tempoh selama 6 bulan untuk menjelaskan belian yang dibuat secara kredit. Akhir-akhir ini Syarikat XTZ menghadapi masalah kekurangan tunai untuk membayar gaji pekerja dan membayar kos-kos yang lain. Pihak pengurusan syarikat tidak mahu membuat pinjaman dari bank kerana pinjaman hanya akan membebankan syarikat.

Terangkan bagaimana Syarikat Pemfaktoran dapat membantu Syarikat XTZ untuk mengatasi masalah perniagaannya? [4 markah]

- (d) Maklumat berikut dipetik dari sebuah akhbar tempatan

KEKURANGAN BUAH KELAPA.
....permintaan yang naik mendadak sempena musim perayaan menyebabkan kerajaan memikirkan untuk mengimport buah kelapa dari Kemboja dan Indonesia.

Terangkan tiga faktor yang perlu dipertimbangkan apabila memilih jenis pengangkutan bagi barang di atas [6 markah]


(e) Gambar 5 menunjukkan satu contoh laman web.



Gambar 5

- (i) Kenal pasti perkhidmatan komunikasi tersebut? [1 markah]
 (ii) Mengapakah peniaga memilih perkhidmatan di 4 (e)(i) di atas? [3 markah]

5 (a) Rajah berikut menunjukkan gaya tarikan pengiklanan.



Terangkan jenis gaya tarikan X dan Y di atas.

[4 markah]

- (b) Maklumat berikut terdapat dalam satu media bercetak yang diedarkan di sekitar Kubang Kerian, Kelantan.

BEKAM SUNNAH

- *Buang Darah Kotor*
- *Meringan Tubuh Badan*
- *Mengelak Terkena Penyakit*
- *Memperbaiki Perjalanan Darah*
- *Meningkatkan Imunisasi Badan*
- *Menghilangkan Berbagai Penyakit*

Sebarang pertanyaan / temujanji,
sila hubungi:
013-9768022
(Us. Fadhli Sulaiman)

KLINIK NUR ISLAM
No.2559, Jalan Hospital USM,
Kubang Kerian
16150 Kota Bharu, Kelantan.

1 cup = RM5
12 cup = RM50

- (i) Apakah media tersebut ? [1 markah]
- (ii) Mengapa Klinik Nur Islam memilih media berkenaan ? [3 markah]
- (c) Terangkan bantuan yang boleh diberikan oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA) kepada peniaga kecil-kecilan [6 markah]
- (d) Maklumat berikut berkaitan Puan Nurul, pengguna produk kecantikan.

Puan Nurul yang menggunakan krim muka berjenama **SERI AYU** selama seminggu mendapati kulit wajahnya lebam, mengelupas, dan gatal-gatal. Beliau terpaksa mendapatkan rawatan pakar kulit di hospital. Beliau meminta bantuan Persatuan Pengguna untuk menyelesaikan kesnya.

- i Terangkan tiga hak Puan Nurul sebagai seorang pengguna. [6 markah]
- ii Jelaskan peranan Persatuan Pengguna dalam kes di atas. [5 markah]

BAHAGIAN B

(25 markah)

Soalan ini **wajib** dijawab

Syarikat Perabot Jati Megah Sdn. Bhd. adalah sebuah syarikat yang menjual pelbagai jenis perabot mewah yang diimport dari Indonesia. Syarikat ini menjalankan perniagaan mereka di sebuah bangunan di pusat bandar Kuantan di samping mempunyai tiga cawangan di Temerloh, Pekan dan Kuala Lipis. Kesemua bangunan kedainya disewa dari ramai pemilik. Bilangan pekerja seramai lima puluh empat orang.

Semasa membuat tempahan, pihak syarikat telah menentukan jenis perabot yang dikehendaki. Pihak pengurusan telah mengadakan pengiklanan berkaitan perniagaannya, ini menyebabkan syarikat tersebut menjadi tumpuan bukan sahaja penduduk setempat malahan masyarakat dari Kelantan dan Terengganu.

Bekalan perabot import dibawa masuk melalui Pelabuhan Kuantan dengan menggunakan kapal kontena. Sebahagian perabot tidak dapat dibawa keluar dari pelabuhan kerana beliau tidak mempunyai aliran tunai yang mencukupi.

Sembilan buah lori milik Syarikat Perabot Jati Megah digunakan untuk menghantar perabot kepada pelanggan. Perkhidmatan penghantaran percuma disediakan jika jarak tidak melebihi 50 kilometer dari kedai berkenaan.

Berdasarkan situasi di atas, jawab soalan berikut;

- a. Apakah jenis dokumen yang digunakan oleh Syarikat Perabot Jati Megah Sdn Bhd semasa membuat tempahan perabot dalam situasi di atas ?

Jelaskan [3 markah]

- b. Jelaskan jenis perkhidmatan bank yang paling sesuai digunakan oleh Syarikat

Perabot Jati Megah Sdn Bhd untuk membayar gaji pekerjaanya. [4 markah]

- c. Pihak pengurusan syarikat ingin membeli insurans untuk melindungi bangunan kedainya dari risiko kerugian akibat kebakaran.
Adakah mereka berjaya berbuat demikian ?
Kemukakan alasan anda.
[5 markah]
- d. Mengapa pihak pengeksport perabot jati menggunakan kapal kontena?
[6 markah]
- e. i. Apakah gudang yang digunakan ketika pihak Syarikat Perabot Jati Megah Sdn Bhd gagal menjelaskan cukai import? [1 markah]
- ii. Terangkan kelebihan gudang di (e) (i) kepada Syarikat Perabot Jati Megah Sdn Bhd. [6 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT